



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Bank Negara Berjaya Stabilkan Ringgit](#)

Berita Harian - Bank Negara Berjaya Stabilkan Ringgit

 Sabtu, Feb 18 2017



Bank Negara berjaya stabilkan ringgit

BH 18/2.

→ Aktiviti dagangan pasaran pertukaran asing jadi cerminan

Oleh Kamarulzaidi
Kamis
kamarulzaidi@bh.com.my

Pasaran kewangan Malaysia terus bertambah baik susulan pelaksanaan langkah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memajukan pasaran kewangan domestik yang diumumkan pada 2 Disember tahun lalu.

Perkembangan positif itu dicerminkan oleh jumlah aktiviti dagangan dalam pasaran pertukaran asing (FX), demikian menurut Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) BNM dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, sebanyak AS\$37 bilion transaksi pertukaran

asing berkaitan eksport dan import barangan dijalankan pada Januari sehingga 15 Februari 2017.

Data bank negara juga menunjukkan imbalan yang bertambah baik antara aliran pertukaran asing eksport dan import, sejajar dengan lebih perdagangan dalam akaun semasa.

"Sejak langkah berkenaan diperkenalkan, penukaran hasil perolehan eksport mengatasi import sebanyak AS\$372.9 juta pada Disember 2016 dan AS\$741.3 juta pada Januari 2017," tambah kenyataan itu.

FMC menegaskan, langkah menstabilkan ringgit itu menyaksikan purata kadar turun-naik FX harian mata wang tempatan itu mengecil kepada kira-kira 53 mata asas pada Januari daripada 82 mata asas pada Disember lalu.

Katanya, ringgit kekal stabil berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), dengan pergerakannya sama seperti mata wang serantau lain dan mata wang utama yang kini sedang dipengaruhi perkembangan dalam pa-

saran kewangan AS serta jangkaan kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS pada tahun ini.

Purata transaksi harian AS\$9.1 bilion

la menambah, FX dalam negara terus mencatat jumlah transaksi harian purata AS\$9.1 bilion dalam semua jenis transaksi FX.

"Jumlah purata transaksi tukaran harian ringgit adalah AS\$5.2 bilion, dengan purata transaksi semerta (spot) dan hadapan (forward) sebanyak AS\$2.3 bilion sehari," katanya.

Kenyataan itu menambah, BNM dan FMC akan terus memantau kemajuan dan maklum balas orang ramai berhubung inisiatif itu dan meneruskan interaksi dan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan ia dilaksanakan dengan jayanya.

Ia juga bagi mewujudkan persekitaran pasaran kewangan yang kondusif dan teratur bagi memudahkan aktiviti perniagaan dalam menyokong ekonomi, katanya.



Aktiviti pasaran mata wang di negara ini berjalan lancar.

Info

Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC)

→ **Wakilnya terdiri daripada** BNM, institusi kewangan, syarikat, penyedia perkhidmatan kewangan dan institusi lain yang mempunyai peranan atau penyer-

taan penting dalam pasaran kewangan

→ **Ia dipengerusikan** oleh Penolong Gabenor BNM, Adnan Zylani Mohamad Zahid

**Pekeliling
Perbendaharaan**



[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**